

## PEMBANGUNAN MODUL KATA KERJA TATABAHASA BAHASA TAMIL DARI PERSPEKTIF PAKAR BAHASA

### *DEVELOPMENT OF TAMIL LANGUAGE GRAMMAR VOCABULARY MODULE FROM LANGUAGE EXPERT PERSPECTIVE*

Rathidevi Shanmugam<sup>1</sup>  
Chew Fong Peng<sup>2</sup>  
Mohana Dass Ramasamy<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Calon Ph.D, Jabatan Penyelidikan, Inovasi, dan Profesionalisme, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Hussein Onn (IPTHO) Malaysia (E. mel: rathidevi@iptho.edu.my)

<sup>2</sup>Prof. Madya, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya (UM), Malaysia  
(E-mel: fpchew@um.edu.my)

<sup>3</sup>Pensyarah kanan, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM) Malaysia  
(E.mel: rmohana\_dass@um.edu.my)

#### Article history

**Received date** : 5-10-2020  
**Revised date** : 6-10-2020  
**Accepted date** : 15-9-2020  
**Published date** : 23-12-2020

#### To cite this document:

Shanmugam, R., Peng, C. F., & Ramasamy, M. D.  
(2020). Pembangunan Modul Kata Kerja Tatabahasa  
Bahasa Tamil Dari Perspektif Pakar Bahasa. *Jurnal  
Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 3(9), 1 - 20.

---

**Abstrak:** Penggunaan modul dalam proses pengajaran dan pembelajaran menjadi satu elemen yang terpenting. Pembangunan modul telah dilaksanakan bagi semua subjek tetapi pembangunan modul bagi subjek Bahasa Tamil tidak banyak dijalankan. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk meneroka pembangunan modul dari perspektif pakar bahasa keperluan dan faktor-faktor yang diperlukan dalam modul kata kerja tatabahasa bahasa Tamil. Temu bual separa berstruktur terhadap 10 orang pakar telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan mereka untuk membangunkan modul. Pakar-pakar bahasa tersebut dipilih berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Perspektif dari aspek masalah pengajaran dan pembelajaran, strategi pengajaran dan pembelajaran, aktiviti pengajaran dan pembelajaran dan sumber pengajaran dan pembelajaran telah diberikan fokus dalam membentuk pembangunan modul. Hasil kajian menunjukkan bahawa masalah pengajaran dan pembelajaran guru-guru Bahasa Tamil ialah kata kerja tatabahasa asas dari sekolah rendah kurang diberi penekanan, penguasaan asas pelajar yang lemah dalam tatabahasa dan tidak fasih dan kabur dalam kata kerja tatabahasa. Strategi pengajaran dan pembelajaran yang dicadangkan termasuklah berpusatkan pelajar, berpusatkan teknologi maklumat dan komunikasi dan penggunaan modul, aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuklah pembentangan, permainan bahasa, kolaboratif, berkongsi maklumat, menyelesaikan masalah, membanding beza, melukis peta kemahiran berfikir aras tinggi (kbat), menyatakan pandangan atau pendapat, menyatakan sebab akibat, menyusun mengikut urutan, membuat kategori / klasifikasi dan lain-lain lagi. Bagi sumber pengajaran dan pembelajaran pula buku Tolkipiyam dan Nannul memainkan peranan utama. Hasil kajian tentang pembangunan modul ini boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada pengkaji-pengkaji lain dalam membentuk modul dalam bahasa lain.

**Kata Kunci:** *Pespektif, Pengajaran dan Pembelajaran, Modul, Pakar*

**Abstract:** *The use of modules in the teaching and learning process becomes one of the most important elements. Module development has been implemented for all subjects but module development for Tamil subjects has not been carried out much. Therefore, this study was conducted to explore the development of the module from the perspective of linguists needs and factors required in the Tamil grammar verb module. A semi-structured interview with 10 experts was conducted to obtain their views and suggestions for developing the module. The linguists were selected based on the intended sampling method. Perspectives from the aspects of teaching and learning problems, teaching and learning strategies, teaching and learning activities and teaching and learning resources have been given focus in shaping module development. The results show that the problem of teaching and learning of Tamil language teachers is that the basic grammar verbs from primary school are given less emphasis, the basic mastery of students is weak in grammar and not fluent and vague in grammar verbs. Proposed teaching and learning strategies include student-centered, information and communication technology-centered and module use, teaching and learning activities including presentations, language games, collaborative, information sharing, problem solving, comparing differences, drawing high-level thinking skills (KBAT), expressing views or opinions, stating cause and effect, sorting in order, making categories / classifications and more. As for teaching and learning resources, Tolkapiyam and Nannul books play a major role. The results of the study on the development of this module can be used as a reference and guide to other researchers in forming modules in other languages.*

**Keywords:** *Perspective, Teaching and Learning, Module, Expert*

---

## **Pengenalan**

Penggunaan bahasa Tamil amat meluas di Malaysia. Justeru itu, peringkat sekolah rendah ke peringkat sekolah menengah, bahasa Tamil diajar secara formal kerana ia diktiraf dan dikategorikan sebagai subjek formal dalam sistem pendidikan Malaysia. Tatabahasa ialah bidang ilmu yang mengatur penggunaan bahasa. Menurut Helmi (2004) tatabahasa terdiri daripada fonem, morfem, kata, frasa, klausa, ayat dan wacana dalam bahasa tertentu, tetapi juga mempunyai unsur-unsur bahasa dalam satu sistem semantik. Komponen terpenting dalam tatabahasa bahasa Tamil yang disenaraikan dalam *Tolkappiyam* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Fonologi (eluthatigaram), Morfologi (Collatikaaram) dan Literasi Konvensyen (Porulatikaaram) (Suyambu, 2006). *Vinaichol* dalam bahasa Tamil dikenali sebagai Kata Kerja dalam bahasa Melayu menjalankan fungsi yang sama dan tergolong dalam morfologi. Kata ini menunjukkan perbuatan, apabila diletakkan dalam ayat ia menunjukkan subjek dalam sesuatu konteks.

## **Pernyataan Masalah**

Tatabahasa merupakan komponen yang penting dalam sesuatu bahasa selain fonologi dan kosa kata kerana mempelajari tatabahasa dapat meningkatkan kefahaman kaedah-kaedah yang mengatur penggunaan bahasa (Heriyawati & Rusdiyanti, 2011). Menurut Ismail Jusoh (1994) tatabahasa merupakan undang-undang atau peraturan hukum atau rumus yang berkaitan dengan pembentukan kata, frasa dan ayat dan pemilihan kosa kata dalam penulisan. Unsur yang terpenting dalam memajukan proses p&p sesuatu subjek atau kursus adalah merupakan modul

pembelajaran (Ummu Nasibah, Muhammad Izuan, & Shaïd, 2015). Penggunaan modul mempunyai beberapa kelebihan antaranya mengukuhkan penguasaan dan kemahiran pelajar dan membantu guru dalam melaksanakan aktiviti dan latihan proses p&p secara terancang dan sistematik. Oleh itu, strategi pengajaran menggunakan modul pembelajaran tatabahasa dalam kalangan pelajar tingkatan empat dapat membantu pelajar menguasai tatabahasa dengan cemerlang. Modul pembelajaran membolehkan pelajar menguasai kata kerja dalam tatabahasa bahasa Tamil dengan lebih mendalam. Maka, pembangunan modul dapat membantu pelajar dan pihak guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran kata kerja dalam tatabahasa untuk berjalan dengan lebih lancar dan berkesan.

Amuthan (2006) dan Appasamy (2012) dalam kajiannya mengenai keadah pengajaran tatabahasa, telah mengesan pelajar kurang memahami tatabahasa dalam pembelajaran kata kerja bahasa Tamil, iaitu percambahan kata kerja kepada beberapa unsur dan pengetahuannya. Kata kerja dalam tatabahasa bahasa Tamil adalah satu aspek yang mempunyai pelbagai percambahan. Mengenali ciri-ciri kata kerja dan membezakan kata kerja mengikut komponennya atau unsur-unsurnya adalah sesuatu yang sukar untuk dipelajari (Loganatha, 1979; Mohana Dass, 2019). Hal ini menyukarkan pelajar dalam memahami kata kerja dengan tepat dan mendalam (Sangaranarayanan, 2015). Isu penguasaan kata kerja bahasa Tamil bukan satu perkara kecil dan remeh. Ini adalah kerana kata kerja memainkan peranan yang penting dalam pembinaan sesuatu ayat dalam tatabahasa bahasa Tamil (Amuthan, 2006; Rajenthiran, 2011).

Sebenarnya, pengetahuan isi kandungan dan pengetahuan pedagogi kandungan dalam kalangan guru mempunyai kaitan yang rapat walaupun kedua-duanya berbeza entiti. Menurut Dhanalakshmi, Anand Kumar, Rekha, Rajendran, & Soman, (2010) dalam kajiannya mengenai pembangunan alat pengajaran tatabahasa bahasa Tamil telah menyatakan pengetahuan isi kandungan subjek bahasa Tamil dilihat sebagai satu aspek yang sangat penting dalam menghasilkan ketrampilan pedagogi yang berkesan. Namun kekurangan buku pedagogi bagi guru yang mengendalikan pengajaran tatabahasa bahasa Tamil menyebabkan p&p tatabahasa kurang berkesan dan kurang impaknya dalam kalangan pelajar (Rajendran, Sankaravelayuthan, & Bakkiyaraj, 2015). Rajendran, Sankaravelayuthan, & Bakkiyaraj (2015) menjalankan kajian mengenai kata kerja tatabahasa telah menyatakan bahawa guru mengendalikan p&p tatabahasa mengikut kefahaman masing-masing dan tidak menyampaikan isi kandungan agar ia mudah difahami serta dapat mengalakkan kefahaman konseptual pelajar terhadap apa yang dipelajari.

Dapatan kajian ini, selari dengan pernyataan-pernyataan yang sering dibincangkan dalam media sosial terkini iaitu, penguasaan bahasa mempunyai kaitan rapat dengan p&p yang kurang efikasi oleh para guru (Sarinah 2014). Pelajar-pelajar pada masa kini menghadapi masalah dalam proses pembelajaran disebabkan oleh faktor luaran seperti pengaruh persekitaran dan keadah pengajaran guru yang kurang berkesan (Abdul Rasid, 2012).

Pembinaan modul ini adalah keperluan sezaman untuk membantu p&p kata-kerja bahasa Tamil. Pembangunan modul bahasa Tamil ini adalah relevan untuk mengisi kelompong atau jurang penyelidikan bagi tatabahasa bahasa Tamil. Selain itu, ia juga diperlukan untuk mempelbagaikan bahan p&p bahasa Tamil supaya membantu para pelajar, dan seterusnya mengalakkan mereka meminati subjek tersebut. Untuk memenuhi keperluan ini, kajian ini telah membangunkan sebuah modul dengan mengambil kira kesesuaian p&p tatabahasa bahasa

Tamil. Penggunaan modul ini secara efisien dalam p&p dijangka bakal meningkatkan prestasi pencapaian kemahiran tatabahasa kata kerja para pelajar, dan menggalakkan penglibatan

### **Objektif dan Soalan Kajian**

Berdasarkan perbincangan di atas, objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah untuk mereka bentuk dan membangunkan modul kata kerja tatabahasa bahasa Tamil berasaskan pandangan pakar bagi pelajar sekolah menengah. Berikutan itu, empat soalan kajian dibangunkan seperti berikut:

1. Apakah masalah pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa bahasa Tamil dan cara mengatasi?
2. Apakah strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran lain yang sesuai untuk dimuatkan ke dalam modul tatabahasa yang khususnya kata kerja?
3. Apakah aktiviti dan latihan pengajaran dan pembelajaran yang perlu dimasukkan ke dalam modul tatabahasa berfokuskan kata kerja?
4. Apakah sumber yang perlu dirujuk bagi pembangunan modul tatabahasa Bahasa Tamil bagi pelajar-pelajar sekolah menengah?

### **Sorotan Literatur**

Kajian oleh Manonmani Devi Ani, dan Veeralakshmi (2017) bertujuan mengenal pasti penguasaan dan persepsi guru pelatih terhadap pembelajaran tatabahasa *punarcci*. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan telah digunakan dalam kajian ini. Pemilihan sampel kajian dijalankan secara pensampelan rawak melibatkan 40 orang guru pelatih yang mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil sebagai minor di dua buah Institut Pendidikan Guru di zon utara. Soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Terdapat dua bahagian iaitu bahagian A merujuk kepada demografi dan bahagian B pula merujuk kepada penguasaan dan persepsi guru pelatih yang mengandungi 13 item. Data-data yang diperolehi dari soal selidik dianalisis mengikut peratusan dan min dengan menggunakan SPSS (*Statistical Package for Science Social*). Hasil kajian menunjukkan penguasaan tatabahasa *punarcci* dan bahasa Tamil guru pelatih IPG berada pada tahap yang rendah. Guru pelatih dalam konteks kajian ini juga tidak berminat untuk belajar tatabahasa *punarcci* kerana kemahiran tersebut agak sukar untuk difahami dan dikuasai. Implikasi dalam kajian mendapati bahawa penggubalan kurikulum mata pelajaran Bahasa Tamil di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) seperti sukatan pelajaran dan huraian sukatan pelajaran harus memberi perhatian penuh untuk memperkasakan tatabahasa Tamil terutama dalam aspek *punarcci*.

Kajian yang dijalankan oleh Alagesan, Siti Hajar dan Mohana Dass (2020) bertujuan untuk mengkaji kemahiran TMK dalam kalangan guru-guru Bahasa Tamil dan kemudahan TMK yang terdapat di sekolah. Kajian berbentuk kualitatif ini melibatkan seramai empat orang guru Bahasa Tamil sebagai sampel kajian. Data temu bual separa berstruktur dianalisis secara tematik. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru Bahasa Tamil mempunyai kemahiran yang sederhana dalam TMK. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa sekolah sampel mempunyai kemudahan TMK yang kurang memuaskan. Tahap kemahiran TMK dan kemudahan TMK di sekolah merupakan aspek penting kepada seseorang untuk menggunakan bahan bantu mengajar berasaskan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran.

Kajian yang dijalankan oleh Chew Fong Peng dan Sivabalan (2019) mencungkil masalah di Sekolah Kebangsaan. Bahasa Tamil adalah satu mata pelajaran elektif di sekolah kebangsaannya yang menjadi pilihan murid-murid untuk dipelajari dan bukanlah mata pelajaran

penilaian seperti bahasa Melayu di peringkat UPSR. Justeru penilaian Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan hanya boleh dibuat menerusi peperiksaan yang diadakan pada peringkat sekolah atau digelar pentaksiran berasaskan sekolah. Oleh itu, kajian kuantitatif ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) berdasarkan tiga dimensi, iaitu input, proses dan produk. Seramai 93 murid daripada enam buah Sekolah Kebangsaan di daerah Gombak, Selangor yang menjalani program BTSK telah terlibat dalam kajian. Soal selidik dan ujian telah digunakan sebagai instrumen. Dimensi penilaian input menunjukkan aspek kesesuaian buku teks diberi penilaian tahap tinggi, dimensi penilaian proses menunjukkan aspek pengajaran guru diberi penilaian tahap tinggi, manakala dimensi penilaian produk menunjukkan tahap pencapaian murid adalah berada pada tahap yang sederhana dan memuaskan. Didapati juga bahawa faktor jantina, pendapatan keluarga dan penggunaan bahasa murid-murid di rumah didapati tidak mempengaruhi tahap pencapaian Bahasa Tamil murid-murid kajian. Dapatan kajian memberi implikasi bahawa buku teks BTSK boleh ditambah baik dengan merujuk kepada kemahiran-kemahiran yang perlu dipelajari dan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dengan menyelitkan elemen-elemen Teknologi Maklumat Komunikasi (TMK) bagi memudahkan murid-murid menguasai kemahiran bahasa secara optimum. Dicapai program BTSK ini diteruskan kerana ianya berpotensi untuk mencapai matlamat kurikulum secara optimum.

Seterusnya kajian yang dijalankan oleh Alagesan, Siti Hajar dan Mohana Dass (2020) bertujuan untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan empat dalam mempelajari tatabahasa bahasa Tamil. Kajian kualitatif ini menggunakan temu bual separa berstruktur untuk mengumpulkan data dari empat guru Bahasa Tamil sekolah menengah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 15 tahun. Analisis tematik data dalam Microsoft Word menunjukkan bahawa terdapat tujuh masalah utama yang dihadapi oleh pelajar tingkatan 4 ini dalam mempelajari tatabahasa Tamil: kekurangan bahan cetak dalam pembelajaran, bahan pengajaran yang tidak mencukupi, kelemahan pelajar dalam tatabahasa, masalah kerja rumah, aktiviti pedagogi yang tidak menarik, ciri-ciri tatabahasa bahasa dan penghafalan tatabahasa oleh pelajar. Kesimpulannya, Kementerian Pendidikan Malaysia harus mengambil tindakan sewajarnya untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Kajian yang dilakukan oleh Alagesan (2020) telah merungkai isu kelemahan pengetahuan kandungan dan pedagogi dalam kalangan guru mata pelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah terutama aspek tatabahasa bahasa Tamil jarang dikaji. Kajian ini dilakukan untuk meneroka pengetahuan kandungan tatabahasa dan pengetahuan pedagogi serta amalan pengetahuan kandungan pedagogi dalam pengajaran tatabahasa bahasa Tamil berdasarkan Teori dan Model Shulman (1987). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes menggunakan teknik persampelan bertujuan merangkumi lima orang Guru Cemerlang Bahasa Tamil (GCBT). Data kajian dikutip melalui kaedah temu bual separa berstruktur, pemerhatian tanpa penyertaan serta analisis dokumen. Kesemuanya telah dianalisis menggunakan program perisian *ATLAS.Ti* versi 8.0. Data diperolehi dianalisis secara analisis tematik. Kesahan dan kebolehpercayaan data dilakukan berdasarkan kaedah triangulasi, semakan peserta, penelitian rakan sebaya, penelitian jangka panjang, refleksiviti pengkaji, teknik jejak audit, dan teknik pengesanan pakar.



Hasil kajian telah menemui 10 tema iaitu, i) isi kandungan tatabahasa bahasa Tamil, pendekatan pengajaran, teknik pengajaran, bahan bantu mengajar, kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi dan kefahaman baharu. Hasil kajian menunjukkan bahawa GCBT memiliki pengetahuan terhadap isi kandungan tatabahasa bahasa Tamil Tingkatan Empat mengikut komponen *eḷuttiyal, colliyal, toṭariyal, puṇariyal, valimikum itaṅkaḷ* dan *valimikā itaṅkaḷ*. Namun begitu, masih terdapat juga GCBT memberi penerangan yang bercanggah dengan aspek hukum tatabahasa bahasa Tamil yang sebenar seperti yang tertera dalam sukatan pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Tingkatan Empat. Hasil kajian turut mendapati GCBT memiliki pengetahuan tentang pemilihan dan penentuan pendekatan pengajaran, teknik pengajaran dan bahan bantu mengajar. Secara amnya, GCBT memilih pendekatan pengajaran secara deduktif dan induktif. Namun begitu, kebanyakan GCBT cenderung memilih pendekatan deduktif kerana GCBT pendekatan tersebut lebih mudah dan membantu mereka melaksanakan proses pengajaran tatabahasa bahasa Tamil serta meningkatkan kefahaman murid terhadap kandungan tatabahasa.

Kajian ini juga turut menunjukkan bahawa GCBT memiliki kemahiran dalam memilih dan menentukan teknik pengajaran dalam pelaksanaan tatabahasa bahasa Tamil. GCBT turut memilih pelbagai bahan bantu mengajar dan kepentingan penggunaannya dalam bilik darjah yang bersesuaian dengan minat murid serta tahap keperluan mereka mengikut isi pelajarannya. Seterusnya, hasil dapatan kajian juga menunjukkan GCBT mengintegrasikan pengetahuan kandungan pedagogi dalam amalan pengajaran tatabahasa bahasa Tamil Tingkatan Empat dengan mengikut proses *Model of Pedagogical Reasoning and Action* (Shulman, 1987), iaitu kefahaman, transformasi, tindakan pengajaran, penilaian, refleksi dan kefahaman baharu. Kajian ini sebenarnya berjaya membina model pelaksanaan pengetahuan kandungan pedagogi GCBT dalam pengajaran tatabahasa bahasa Tamil Tingkatan Empat. Model ini bakal menjadi panduan baik kepada guru-guru mata pelajaran bahasa Tamil dan kementerian pendidikan untuk memahami proses pengajaran tatabahasa bahasa Tamil bagi meningkatkan pengetahuan professional guru.

### **Metodologi Kajian**

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini. Kajian kualitatif menurut Jennifer Mason (2002) amat menarik dan penting. Ia adalah satu aktiviti yang sangat menggembirakan kerana penyelidikan kualitatif dapat meneroka pelbagai dimensi dunia sosial, termasuk tekstur dan tenunan kehidupan seharian, pemahaman, pengalaman dan imaginasi peserta penyelidikan, cara-cara proses sosial, institusi, wacana atau hubungan sosial, dan tanpa sebarang cerapan statistik. Penyelidikan kualitatif adalah kaedah yang menerangkan sesuatu peristiwa secara holistik dalam keadaan sebenar peristiwa itu berlaku tanpa sebarang manipulasi oleh sesiapa termasuk pengkaji (J. W. Creswell, 2009).

Sampel bertujuan ini melibatkan 10 orang panel pakar yang mempunyai pengalaman dalam bidang ini dan berpengalaman melebihi 10 tahun. Temu bual separa berstruktur telah digunakan dalam kajian ini. Menurut Ghazali Darusalam and Sufean Hussin (2016) temu bual separa berstruktur merupakan kaedah pengumpulan data di mana penyelidik menentukan jumlah soalan-soalan temu bual serta boleh menambah soalan temu bual semasa sesi temu bual berlangsung bagi mendapatkan maklumat tambahan daripada beberapa aspek yang kurang jelas atau kurang menjawab soalan kajian bagi maksud 'in-depth' (mendalam). Seorang pakar bidang

telah menilai soalan -soalan temu bual pakar bidang. Pembedulan soalan-soalan tersebut telah dibuat oleh penyelidik sebelum mengendalikan temu bual bersama panel pakar.

### Pembentukan Panel Pakar

Pengkaji telah memilih 10 orang panel pakar untuk memberi maklumat dan cadangan dalam mereka bentuk dan membangunkan modul kata kerja tatabahasa bahasa Tamil bagi pelajar sekolah menengah. Kriteria utama dalam pembentukan panel pakar ialah semua ahli panel yang dipilih mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji.

Peringkat awal pembentukan panel pakar telah dibuat dengan temujanji dengan setiap ahli panel untuk mendapatkan persetujuan mereka sebagai ahli panel dalam kajian ini. Ahli panel pakar yang dipilih termasuk seorang profesor dan tiga orang pensyarah berijazah Doktor Falsafah dalam bidang Pengajian India dan/atau linguistik bahasa Tamil, tiga orang pensyarah Instuti Pendidikan Guru (IPG) dalam bidang pedagogi dan linguistik dan tiga orang guru cemerlang di sekolah menengah dari negeri yang berbeza. Maklumat detail mereka dipaparkan dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Panel Pakar**

Bidang Kepakaran	Ahli Panel Pakar		
	Tempat Bekerja	Jawatan/Gelaran	Jumlah
Pengajian India Bahasa Tamil	Universiti	Profesor	1 orang
Linguistik Bahasa Tamil	Universiti	Doktor	3 orang
Pedagogi, Tatabahasa, Sastera	IPG	Pensyarah	3 orang
Tatabahasa dan sastera	Sekolah Menengah	Guru Cemerlang	3 orang

### Pelaksanaan Dan Pengumpulan Data

Delphi sebagai pusingan kedua dalam kajian. Teknik *fuzzy* Delphi sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana Zanariah (2017) telah menyatakan teknik *fuzzy* Delphi sangat sesuai untuk menunjukkan nilai ranking keutamaan dalam memilih konteks terpenting dan menentukan ranking keperluan utama dalam melaksanakan kaedah atau elemen yang sesuai dalam pendidikan. Selain itu, beliau juga telah menyatakan teknik *fuzzy* Delphi ini bukan sesuatu yang baru, tetapi adalah satu instrumen yang telah dilakukan penambahbaikan terhadap kaedah Delphi.

Temu bual separa berstruktur dijalankan terhadap 10 orang ahli panel pakar. Selepas itu, hasil temu bual itu dianalisis dan membentuk instrumen *fuzzy* Delphi, iaitu soal selidik bagi pusingan kedua. Instrumen yang dibentuk mempunyai empat bahagian, iaitu masalah pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa, strategi, kaedah dan pendekatan pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa dari aspek aktivi pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa dan sumber dan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa bahasa Tamil di sekolah menengah.

### Peringkat Pertama

Dalam pusingan pertama, 10 orang ahli panel pakar yang dipilih ditemu bual untuk membentuk instrumen *fuzzy* Delphi. Soalan temu bual terdiri daripada empat bahagian. Bahagian 1 terdiri daripada item yang berkaitan dengan masalah pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa, kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah tersebut serta penggunaan modul di sekolah menengah. Bahagian II berkaitan dengan strategi pengajaran dan pembelajaran kata

kerja tatabahasa, serta kaedah atau strategi lain. Bahagian III berkaitan dengan aktiviti dan latihan pengajaran dan pembelajaran yang perlu dimuatkan ke dalam modul kata kerja tatabahasa. Bahagian IV berkaitan dengan sumber rujukan dan bahan bantu pengajaran dan pembelajaran bagi kata kerja tatabahasa yang sesuai dimasukkan ke dalam modul.

Hasil temu bual dengan 10 orang pakar ditranskripkan dan dianalisis menggunakan NVIVO. Pandangan dan cadangan pakar dalam temu bual merupakan asas pembentukan soal selidik bagi pusigan kedua *fuzzy delphi*.

Berdasarkan hasil temu bual dan soal selidik *fuzzy Delphi* mengikut bahagian:

### **Bahagian I**

Pandangan dan cadangan panel pakar terhadap masalah pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa bahasa Tamil dan cara mengatasi.

- i. Pada pendapat pakar, apakah masalah pengajaran tatabahasa Bahasa Tamil khususnya kata kerja bagi pelajar-pelajar sekolah menengah?
- ii. Apakah masalah pembelajaran tatabahasa Bahasa Tamil khususnya kata kerja bagi pelajar-pelajar sekolah menengah?
- iii. Apakah kaedah yang sesuai untuk mengatasi masalah pengajaran dan pembelajaran kata kerja dalam tatabahasa Bahasa Tamil bagi pelajar-pelajar sekolah menengah?
- iv. Sejauh manakah penggunaan modul tatabahasa Bahasa Tamil di sekolah?  
(Jika Ada) Adakah modul tatabahasa yang sedia ada memberikan fokus kepada strategi pembelajaran kata kerja secara efektif?

### **Bahagian II**

Cadangan tentang strategi, pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran bagi pembangunan modul kata kerja tatabahasa bahasa Tamil.

- i. Pada pandangan pakar, apakah strategi, pendekatan, kaedah, dan teknik pengajaran lain yang sesuai untuk dimuatkan ke dalam modul tatabahasa yang khususnya kata kerja?

### **Bahagian III**

Cadangan tentang aktiviti dan latihan pengajaran dan pembelajaran bagi pembangunan modul kata kerja tatabahasa bahasa Tamil bagi pelajar sekolah menengah.

- i. Apakah aktiviti dan latihan pengajaran dan pembelajaran yang perlu dimasukkan ke dalam modul tatabahasa berfokuskan kata kerja?

### **Bahagian IV**

Cadangan tentang sumber rujukan dan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi pembangunan modul kata kerja tatabahasa bagi pelajar sekolah menengah.

- i. Apakah sumber yang perlu dirujuk bagi pembangunan modul tatabahasa Bahasa Tamil bagi pelajar-pelajar sekolah menengah?



## Hasil Kajian

### *Bahagian I: Masalah Pengajaran Dan Pembelajaran Kata Kerja Tatabahasa Tamil dan Cara Mengatasi*

Panel pakar telah menyatakan masalah pembelajaran kata kerja tatabahasa dalam kalangan pelajar yang sentiasa wujud ialah pelajar tidak berminat mempelajari tatabahasa. Pelajar tidak yakin untuk mempelajari tatabahasa kerana bertanggapan tatabahasa itu sukar difahami dan membosankan. Tanggapan negatif pelajar yang menjadi asas bagi minat mereka merosot dalam mempelajari kata kerja tatabahasa. Kata-kata pakar:

‘Masalah yang dihadapi oleh ramai pelajar tidak berminat untuk mempelajari tatabahasa amnya’. (TBPBT2 U1 B4 T5 H3 MAM 1)

‘Pelajar kurang berminat terhadap bahasa Tamil terutama dalam bidang tatabahasa khususnya kata kerja. Pelajar lebih berminat kepada unsur-unsur lain berbanding dengan tatabahasa. Persepsi pelajar yang negatif yang menganggap bahawa tatabahasa adalah satu subjek yang rumit dan susah untuk dikuasai dalam masa yang terdekat’. (TBPBT5 IPG1 B7 T7 H5 MAM 2)

‘Pelajar kurang yakin dengan penggunaan tatabahasa sebab sejak di sekolah rendah lagi sudah ada fobia seolah-olah tatabahasa itu sesuatu yang membosankan, yang berat, susah difahami dan sebagainya. Tanggapan sebegini pelajar jarang berminat dengan tatabahasa’. (TBPBT6 IPG2 B5 T9 H1 MAM1)

‘Pelajar berasa sangat susah mempelajari tatabahasa. Pelajar-pelajar tidak seronok untuk mempelajarinya. Formula-formula tatabahasa tidak menarik minat pelajar’. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

‘Pelajar-pelajar tidak beminat untuk mempelajari tatabahasa termasuk kata kerja’. (TBPBT8 S1 B3 T6 H4 MAM 1)

Selain itu, penguasaan yang lemah dalam tatabahasa juga mempengaruhi pelajar dalam mempelajari tatabahasa. Hal ini demikian kerana pelajar-pelajar tidak dapat membezakan kata kerja mengikut komponennya, dan tidak mengenali nahu kata kerja kerana pengetahuan asas tatabahasa mereka tidak kukuh sejak dari sekolah rendah. Pakar-pakar berpendapat:

‘Pelajar tidak memahami tatabahasa’. (TBPBT8 S1 B3 T6 H4 MAM 1)

‘Pelajar-pelajar tidak mahu dan tidak berminat untuk mempelajari nahu. Ini kerana nahu bahasa itu sesuatu yang asing bagi mereka’. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

‘Pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh dalam tatabahasa bahasa Tamil’. (TBPBT2 U1 B4 T5 H3 MAM 1)

‘Secara umumnya pelajar-pelajar di sekolah menengah tidak mengenali asas tatabahasa kata kerja sejak dari sekolah rendah lagi’. (TBPBT9 S2 B7 T8 H6 MAM 2)

Di samping itu, pakar-pakar juga berpendapat pelajar tidak tahu maksud kata kerja dan penyebutan kata kerja yang betul. Di mana pelajar juga tidak tahu penggunaan kata kerja am dan kata kerja dan tidak boleh membezakan kata nama am dengan kata kerja. Pemahaman kata kerja tatabahasa belum mencapai tahap yang diinginkan. Kata-kata pakar:

‘Pelajar-pelajar sebenarnya kurang memahami apakah itu kata kerja. Kata kerja asas dan kata kerja akar. Pelajar -pelajar tidak memahami dan membezakan kata kerja asas (vinai chol) dan kata kerja sempurna (vinai mutru)’. (TBPBT1 U1 B4 T5 H3 MAM2)

‘Kata kerja itu mereka tidak tahu tentang maksudnya. Mereka tidak tahu kata kerja yang mudah dan tidak tahu untuk menyebutnya dengan betul’. (TBPBT7 IPG3 B5 T9 H1 MAM 2)

‘Pelajar tidak boleh membezakan kata nama dan kata kerja walaupun sudah lama belajar di sekolah rendah. Pelajar tidak mengenali penggunaan kata nama dan kata kerja dan membezakannya kerana tidak menguasai lagi’. (TBPBT8 S1 B3 T6 H4 MAM 1)

Kurang pembacaan dalam kalangan pelajar juga menjadi masalah dalam kalangan pelajar. Pelajar tidak meluangkan masa untuk membaca tetapi meluangkan masa dalam aspek-aspek yang lain menjadi masalah dalam kalangan pelajar. Kata pakar:

‘Semua pelajar kurang membaca khususnya dalam bahasa Tamil. Mereka membaca secara rawak dan lebih suka alat-alat elektronik yang cepat memberi maklumat kepada mereka. Oleh itu, mereka tidak mahu membaca. Ini menjadi masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar’. (TBPBT2 U1 B4 T5 H3 MAM 1)

Kurang buku latihan tambahan juga menjadi masalah dalam kalangan pelajar. Penggunaan buku teks dan latihan buku teks sahaja tidak memadai bagi pelajar-pelajar dalam memperkukuhkan kata kerja tatabahasa. Buku-buku latihan tambahan juga sangat diperlukan. Kekurangan buku latihan tambahan juga menjadi kekangan dalam pembelajaran kata kerja tatabahasa. Menurut seorang pakar:

‘Pelajar tidak ada buku latihan tambahan untuk membuat latihan kata kerja tatabahasa. Latihan tatabahasa tidak dicari oleh pelajar-pelajar untuk menguasainya’. (TBPBT8 S1 B3 T6 H4 MAM 1)

Pembelajaran tatabahasa untuk peperiksaan sahaja menjadi masalah dalam kalangan pelajar. Mereka tidak cuba untuk memahami tatabahasa manakala cuba menghafal untuk menjawab dalam peperiksaan. Apabila pelajar lupa dalam peperiksaan maka, mereka tidak dapat menjawab tatabahasa dengan betul. Kata pakar:

‘Mereka mempelajari untuk peperiksaan tetapi tidak cuba memahaminya. Mereka tidak faham terma-terma kata kerja. Pelajar cuba hafal sahaja. Ingatan mereka tidak kekal lama, maka mereka akan cepat lupa disebabkan menghafal terma-terma tersebut’. (TBPBT9 S2 B7 T8 H6 MAM 2)

Justeru itu, pakar-pakar telah menyatakan kekangan masa untuk menghabiskan sukatan pelajaran menyebabkan pelajar tidak memahami tatabahasa dengan betul. Ini kerana bahasa Tamil meliputi bahagian sastera dan tatabahasa. Masa yang diperuntukkan untuk kedua-dua bahagian ini ialah 90 minit. Meminta pelajar mempelajari kesemua sukatan dalam sastera dan tatabahasa adalah sukar bagi pelajar. Kata-kata pakar:

‘Kekangan masa menyebabkan mereka tidak dapat menguasai tatabahasa’.  
(TBPBT5 IPG1 B7 T7 H5 MAM 2)

‘Mengikut silibers yang digunakan di sekolah, kepentingan itu dibahagikan kepada dua, iaitu satu tatabahasa dan satu lagi sastera. Dalam sastera ada banyak bahagian di mana kita melatih pelajar menulis karangan, ayat dan sebagainya. Selain itu, kita juga memfokuskan kepada tatabahasa bahasa Tamil khususnya kata nama, kata kerja dan sebagainya. Tetapi mengikut silibers pula, peruntukan masa untuk mengajar kata nama, kata kerja dan sebagainya adalah sangat terhad’. (TBPBT3 U1 B4 T6 H4 MPM 2)

Panel pakar juga berpendapat kata kerja itu sendiri sangat susah. Mempelajari kata kerja tatabahasa bahasa Tamil merangkumi pelbagai aspek struktur yang mempunyai cantuman, elemen dan kosnsep. Maka, kata kerja itu sendiri sangat susah untuk pelajar mempelajarinya. Selain itu, sukatan pelajaran juga tidak memberi penekanan terhadapnya. Jadi, pelajar menghadapi masalah dalam mempelajari kata kerja tatabahasa. Kata-kata pakar:

‘Kata kerja dalam bahasa Tamil, bukan seperti dalam bahasa lain. Contoh seperti kata kerja transitif, kata kerja tak transitif, kata kerja pasif, kata kerja aktif dan sebagainya. Tetapi kata kerja bahasa Tamil merangkumi pelbagai aspek struktur bahasa Tamil yang mempunyai cantuman. Apabila sesuatu kata itu dicantum dengan unsur-unsur atau morfem-morfem ia akan menjadi satu kata kerja yang lengkap. Oleh yang demikian kata kerja mempunyai banyak unsur dalam kata kerja lengkap (*vinai mutru*). Kata kerja merangkumi banyak elemen di dalamnya’.  
(TBPBT4 U1 B4 T6 H4 MPM 1)

‘Maka pelajar tidak memahami keseluruhan elemen itu dan pelajar juga tidak dimestikan mempelajari keseluruhan elemen. Bila pelajar tidak mengetahui keseluruhan elemen, maka pelajar menghadapi masalah dalam mengenali kategori dan membezakan kategori dalam kata kerja’. (TBPBT4 U1 B4 T6 H4 MPM 1)

Penggunaan bahasa pasar juga menjadi masalah dalam kalangan pelajar. Pelajar menggunakan bahasa pasar (campuran) di rumah. Maka ia mempengaruhi pelajar dalam mempelajari kata kerja tatabahasa di sekolah. Kata pakar:

‘Bahasa perbualan di rumah, mereka menggunakan bahasa ‘kollukial’ (pasar) dan tidak menggunakan bahasa standard yang melibatkan tabahasa kata kerja dengan sepenuhnya mengikut luns atau pun formula bahasa’. (TBPBT3 U1 B4 T6 H4 MPM 2)

### ***Bahagian II: Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kata Kerja Tatabahasa***

Dapatan kajian menunjukkan bahawa panel pakar menekankan pemusatan pelajar sewaktu pengajaran dan pembelajaran. Minat pelajar perlu diberi penekanan dalam setiap p&p supaya

pelajar dapat mempelajari kata kerja dengan bersungguh-sungguh dan mengambil bahagian dalam p&p. Kata-kata pakar:

‘Kita harus mengenal pasti masalah mereka, apakah minat mereka, bagaimanakah cara-cara menarik minat pelajar supaya menumpukan perhatian dalam p&p di dalam kelas. Seorang guru haruslah mengatur strategi untuk menarik minat pelajar, itu yang penting. Selepas itu, guru harus mengatur cara-cara mengajar tatabahasa bahasa Tamil’. (TBPBT2 U1 B4 T5 H3 MAM 1)

‘Mengajar mengikut minat pelajar. Mengajar dengan lucu dan secara menggembarakan’. (TBPBT7 IPG3 B5 T9 H1 MAM 2)

Selain itu, pembentukan modul juga menjadi kaedah dalam membantu pengajaran dan pembelajaran. Pakar telah memberi pandangannya bahawa penggunaan modul dapat membantu pelajar dalam mempelajari kata kerja tatabahasa dengan lebih efikasi. Masalah pengajaran dan pembelajaran wujud kerana sangat kurang penggunaan modul dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Kata-kata pakar:

‘Guru mesti mengambil inisiatif sendiri untuk mengajar dan memberi pendedahan yang lebih lanjut dalam memberi penerangan dalam tatabahasa khususnya kata kerja. Jadi untuk itu, guru harus membentuk satu modul yang bersesuaian dan yang boleh diajar oleh guru. Ia akan memberi peluang kepada guru untuk menyediakan bahan yang lebih banyak dan bahan tambahan untuk memberi pendedahan kepada pelajar untuk memahami dengan lebih jelas dalam tatabahasa kata kerja. Saya tidak yakin sekarang terdapat modul yang lengkap untuk diajar dalam kata kerja’. (TBPBT3 U1 B4 T6 H4 MPM 2)

‘Bagi pengetahuan saya, tidak ada penggunaan modul bahasa Tamil di sekolah menengah’. (TBPBT1 U1 B4 T5 H3 MAM2)

‘Memang tidak ada sebarang modul untuk p&p tatabahasa. Guru hanya menggunakan buku teks yang disediakan oleh SPBT. Maka, modul bahasa Tamil memang tiada di sekolah dan di pasaran. Mempelajari kata kerja dengan satu modul yang mempunyai contoh-contoh yang relevan dengan topik, pelajar-pelajar boleh mempelajari kata kerja dengan lebih mudah.’. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

‘Tiada modul yang khusus digunakan di sekolah menengah. Rujukan utama mereka ialah buku teks, huraian sukatan pelajaran, modul untuk penerangan tatabahasa sahaja dan kita tidak ada untuk latihan dan langsung tiada modul. Maka, guru hanya bergantung pada latihan-latihan dalam buku teks tatabahasa termasuk kata kerja dan yang lain. Guru cuba memberi latihan yang dicipta sendiri dengan merujuk buku teks yang seakan-akan dalam buku teks’. (TBPBT9 S2 B7 T8 H6 MAM 2)

Maka, di sini dapat dilihat penggunaan modul sangat kurang dan modul yang khusus untuk sesuatu topik belum ada lagi. Justeru itu, pakar juga telah mencadangkan penggunaan dialog dan lagu-lagu dari filem akan menggalakkan pembelajaran kata kerja tatabahasa. Ini kerana pelajar-pelajar meminati filem dan lagu. Menurut pakar-pakar:

‘Salah satu kaedah yang boleh kita sesuaikan dengan pelajar-pelajar sekolah untuk menangani masalah pembelajaran tatabahasa kata kerja, cuba gunakan dialog-

dialog daripada filem tamil yang standard. Contoh seperti itu boleh digunakan untuk menimbulkan daya minat dalam kalangan pelajar untuk menonton filem. Guru boleh petik dan kaitkan dialog-dialog tersebut dengan pembelajaran tatabahasa kata kerja supaya pelajar mudah dan menguasai kata kerja'. (TBPBT5 IPG1 B7 T7 H5 MAM 2)

'Lagu-lagu dari filem yang mempunyai kata kerja kerana pelajar memang suka dengan lagu'. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

Di samping itu, pakar-pakar juga telah memberi cadangan untuk memperbanyakkan latihan supaya pelajar lebih mahir dalam penggunaan kata kerja tatabahasa. Latih tubi kata kerja tatabahasa pada setiap hari akan meningkatkan kemahiran pelajar. Kata pakar:

'Latihan yang banyak perlu diberi setelah sesuatu aktiviti dan ia akan mengukuhkan p&p dan pemahaman pelajar dalam sesuatu bahasa itu'. (TBPBT1 U1 B4 T5 H3 MAM2)

Pengajaran induktif dan deduktif perlu ditekankan oleh guru-guru supaya pelajar menguasai kata kerja tatabahasa dengan lebih mendalam. Penjelasan dan pemberian contoh-contoh perlu diperbanyakkan supaya pelajar dapat memahami kata kerja walaupun mereka lupa. Kata-kata pakar:

'Biasanya dalam pedagogi, kita perlu menggunakan induktif atau deduktif. Satu daripada formula atau nahu kita terangkan contoh. Atau pun daripada contoh kita fokuskan kepada formula kata kerja'. (TBPBT4 U1 B4 T6 H4 MPM 1)

'Tatabahasa atau nahu bahasa diajar dalam dua kaedah induktif dan deduktif. Guru perlu mengajar kata kerja secara deduktif. Ini membolehkan pelajar mengetahui formula-formula kata kerja dan mengenali cara mewujudkan kata kerja. Ini membolehkan pelajar kata kerja dengan lebih mudah walaupun mereka lupa. Induktif agak lebih rumit untuk mempelajari tatabahasa kata kerja'. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

Teknologi maklumat memainkan peranan yang penting dalam p&p. Pakar-pakar telah mencadangkan penggunaan teknologi maklumat merupakan satu strategi pengajaran yang baik di mana ia akan menarik perhatian pelajar untuk mempelajari tatabahasa khususnya kata kerja. Kata pakar:

'Sebarang kaedah yang menggunakan komputer, perisian semasa dan aplikasi-aplikasi yang boleh digunakannya itu akan menambah minat mereka untuk belajar dengan lebih mendalam lagi'.(TBPBT6 IPG2 B5 T9 H1 MAM1)

'Inovasi digital boleh digunakan untuk generasi muda, google drive dan teknik-teknik terbaru yang membolehkan pelajar mempelajari kata kerja dengan lebih menarik dan memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran'. (TBPBT7 IPG3 B5 T9 H1 MAM 2)



### *Bahagian III: Aktiviti Dan Latihan Pengajaran dan Pembelajaran Kata Kerja Tatabahasa*

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pembentangan dan penglibatan pelajar lebih menggalakkan pelajar untuk lebih menumpukan perhatian dalam pembelajaran kata kerja tatabahasa. Kata-kata pakar:

‘Pembentangan dan aktiviti-aktiviti dan latihan-latihan mengikut minat pelajar perlu dipraktikkan’. (TBPBT1 U1 B4 T5 H3 MAM2)

‘Selepas mengajar pelajar pelajar perlu membentangkan hasil mereka’. (TBPBT2 U1 B4 T5 H3 MAM 1)

‘Pembentangan menarik minat pelajar’. (TBPBT7 IPG3 B5 T9 H1 MAM 2)

‘Aktiviti yang memusatkan pelajar seperti pembentangan’. (TBPBT8 S1 B3 T6 H4 MAM 1)

‘Pembentangan akan menarik minat pelajar. Penglibatan pelajar merupakan kaedah yang mudah yang memudahkan pelajar untuk mempelajarinya’. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

Selain itu, panel pakar telah mencadangkan aktiviti-aktiviti lain seperti melukis peta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), membanding beza, mengklasifikasikan kata kerja, pembentukan kata kerja dan banyak lagi yang boleh diberikan kepada pelajar mengikut minat dan kebolehan pelajar. Di sini, panel pakar telah memberi cadangan aktiviti dan latihan kata kerja yang boleh membantu pelajar untuk memperkukuhkan kemahiran kata kerja tatabahasa. Kata- kata pakar:

‘Melukis peta kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), Mencari kesalahan dan membuat pembedaan, dan latihan-latihan mengikut minat pelajar perlu dipraktikkan’.(TBPBT1 U1 B4 T5 H3 MAM2)

‘Pelajar perlu buat kumpulan dan mengajar rakan-rakan yang kurang faham. Aktiviti-aktiviti seperti ini dapat memberi kesan yang baik’. (TBPBT2 U1 B4 T5 H3 MAM 1)

‘Selepas mereka mengetahui memecahkan dan membahagikan kata kerja, pelajar lebih pandai membina ayat, contoh yang banyak, latihan penulisan dan pembentukan kata kerja’. (TBPBT3 U1 B4 T6 H4 MPM 2)

Ada juga pandangan pakar yang menyatakan apa sahaja aktiviti yang boleh menarik minat pelajar. Aktiviti dan latihan itu mengikut kreativiti guru dan tahap pencapaian pelajar. Maka, tidak ada had cara-cara yang boleh dijalankan.

‘Apa sahaja, pengajaran tatabahasa memerlukan kreativiti guru. Mana-mana kandungan yang akan diajar, sebagai seorang guru perlu kreatif dan berinovatif dalam tatabahasa. Kita tidak boleh hadkan ini cara yang betul atau salah dan ia terpulung kepada kebolehan pelajar, latar belakang pelajar dan sebagainya.’. (TBPBT4 U1 B4 T6 H4 MPM 1)

Pembelajaran yang berkesan ialah apabila pelajar dapat ingat kembali apa yang dipelajari dan boleh menuliskannya. Pakar-pakar telah menyatakan penulisan reflektif dan penggunaan dalam konteks yang sebenar dapat memberi pendadahan kepada pelajar. Kata-kata pakar:

‘Pelbagai latihan subjektif dan penulisan reflektif pembelajaran boleh membantu pelajar-pelajar sekolah menengah’. (TBPBT5 IPG1 B7 T7 H5 MAM 2)

‘Aktiviti yang membolehkan pelajar-pelajar mengenalpasti kata kerja dan penggunaannya dalam konteks yang pelbagai boleh mendukung makna kata kerja yang sebenar dan lebih kepada pengaplikasian. Selain itu, latihan tubi yang berulang kali boleh dijalankan. Walaupun pemahaman yang terhad dalam kalangan pelajar, latihan tubi boleh membantu mereka menguasai kata kerja’. (TBPBT6 IPG2 B5 T9 H1 MAM1)

‘Latihan yang lebih kepada praktikal’. (TBPBT9 S2 B7 T8 H6 MAM 2)

Aktiviti permainan juga menjadi cadangan pakar kerana ia menarik minat pelajar. Kata pakar:

‘Aktiviti dalam bentuk permainan akan menarik minat pelajar. Penglibatan pelajar merupakan kaedah yang mudah yang memudahkan pelajar untuk mempelajarinya’. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

‘Sebarang kaedah yang menggunakan komputer, perisian semasa dan aplikasi-aplikasi yang boleh digunakannya itu akan menambah minat mereka untuk belajar dengan lebih mendalam lagi’. (TBPBT6 IPG2 B5 T9 H1 MAM1)

‘Inovasi digital boleh digunakan untuk generasi muda, google drive dan teknik-teknik terbaru yang membolehkan pelajar mempelajari kata kerja dengan lebih menarik dan memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran’. (TBPBT7 IPG3 B5 T9 H1 MAM 2)

#### ***Bahagian IV: Sumber Rujukan Pengajaran dan Pembelajaran Kata Kerja Tatabahasa***

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sumber rujukan yang paling utama ialah ‘*Tolkappaiyam*’. Di samping itu ‘*Nannul*’ juga menjadi tulang belakang tatabahasa bahasa Tamil yang perlu dirujuk. Kedua-dua ini merupakan sumber rujukan yang asas dalam tatabahasa. Kata-kata pakar:

‘*Tolkapiyam* dan *nannul*’ (TBPBT1 U1 B4 T5 H3 MAM2)

‘*Tolkapiyam* adalah asas. Nalla tamil ilakkanam dan *nannul*. Kita tidak mempunyai buku-buku tatabahasa yang baik. Maka buku-buku ini adalah asasnya’. (TBPBT2 U1 B4 T5 H3 MAM 1)

‘*Tolkapiyam* dan *Nannul* adalah asas tatabahasa’. (TBPBT3 U1 B4 T6 H4 MPM 2)

‘Buku-buku di Malaysia sehingga kini, merujuk kepada tatabahasa *nannul* dan bukannya *tolkappiyam*. *Tolkappiam* adalah asas bagi tatabahasa dan ia adalah lebih kompleks dan komprehensif. Sebagai pengubal modul, seseorang perlu merujuk *tolkapiyam* walaupun ia sukar dirujuk. Maka rujuklah buku - buku *tolkapiyam* seperti urai nulgai (உரை நூல்கள்)’. (TBPBT4 U1 B4 T6 H4 MPM 1)

'*Tolkapiyam, Nannul* dan buku-buku yang dikeluarkan oleh penulis-penulis yang berasaskan *nannul* dan *tolkapiyam*'. (TBPBT5 IPG1 B7 T7 H5 MAM 2)

'Buku-buku *Tolkapiyam* dan *Nannul* (porul peyarppu). எளிய உரையுடன் கூடிய புத்தகங்கள்'.(TBPBT6 IPG2 B5 T9 H1 MAM1)

'*Tolkappiyam* dan *Nannul* yang boleh digunakan. Porulathikaram dan vilakka urai'. (TBPBT7 IPG3 B5 T9 H1 MAM 2)

'Buku-buku *tolkapiyam* dan *nannul*'. (TBPBT8 S1 B3 T6 H4 MAM 1)

'*Nannul* adalah yang terbaik'. (TBPBT9 S2 B7 T8 H6 MAM 2)

'*Tolkappiyam* dan *Nannul* yang merupakan asas'. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

Selain itu, buku-buku dari India, buku-buku penulis tempatan juga menjadi cadangan pakar. Pakar berpendapat segala buku yang menekankan tatabahasa oleh penulis tempatan dan luar negara boleh dijadikan sebagai rujukan. Berikut dipetik kata-kata-kata pakar:

'Penulisan - penulisan terkini En. Karunagaran, En. Agastiyalingam, Dr. Rajaram, Dr. Rajenthiran'. (TBPBT1 U1 B4 T5 H3 MAM2)

'Banyak buku dari tamil Nadu boleh digunakan untuk memudahkan p&p tatabahasa bahasa Tamil. Boleh memasukkan buku-buku tersebut dalam modul tersebut'. (TBPBT3 U1 B4 T6 H4 MPM 2)

'Buku-buku penulis tatabahasa dalam negara seperti Dr. Mohanadass dan Dr. Manonmani yang berkemahiran dalam tatabahasa'. (TBPBT8 S1 B3 T6 H4 MAM 1)

'Buku – buku yang relevan juga boleh digunakan contohnya En. Seeni Naina dan Dr. Mohanadass yang pernah menulis buku-buku tatabahasa di Malaysia'. (TBPBT10 S3 B7 T8 H6 MPM 2)

### **Perbincangan**

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian tentang masalah pembelajaran yang dihadapi oleh pelajar berdasarkan pandangan panel pakar sekolah menengah. Masalah yang dinyatakan oleh panel pakar ialah pelajar kurang berminat terhadap bahasa Tamil terutama dalam bidang tatabahasa khususnya kata kerja. Masalah pelajar yang terpenting ialah tidak mempunyai asas yang kukuh dalam kata kerja tatabahasa. Mereka tidak mempelajarinya sejak dari sekolah rendah lagi. Maka, mereka menghadapi masalah di sekolah menengah untuk meneruskan pembelajaran kata kerja tatabahasa. Masalah ini memberi kesan kepada minat pembelajaran pelajar yang rendah, masalah mempelajari maksud kata kerja dan penyebutan kata kerja dengan betul. Asas yang kukuh perlu diadaptasi bagi kesinambungan dalam perkembangan pengetahuan sepertimana teori pembelajaran Gagne. Beliau telah memperkenalkan tiga peringkat pemprosesan maklumat, yang meliputi daftar deria (sensory register) dalam ingatan aktif, ingatan jangka pendek dan ingatan jangka panjang (Haslina, 2012) yang dapat meningkatkan kognitif pelajar. Teori ini menekankan maklumat dalam minda sentiasa diproses

dan diadaptasi apabila terdapat maklumat baru yang diterima dan proses ini dinamakan proses pembelajaran (Nor Hanani, 2016).

Selain itu, kesalahan kata kerja tatabahasa sentiasa berlaku dalam kalangan pelajar sewaktu penulisan. Membezakan kata nama dan kata kerja juga menjadi kesukaran dalam kalangan pelajar kerana tidak menguasainya dengan baik. Penguasaan yang lemah dalam kata kerja tatabahasa menyebabkan masalah ini berlaku (Mohana Dass, 2019). Ini adalah kerana pelajar tidak menguasainya secara mendalam walaupun belajarnya dari sekolah rendah. Pendedahan yang sangat terhad dan pengabaian oleh guru bahasa Tamil menjadi punca masalah ini di samping kecuaiannya pelajar untuk mengingati apa yang dipelajari. Tabiat pelajar yang sentiasa lupa dan tidak dapat mengaplikasikan kemahiran-kemahiran yang dipelajari (Yahida, 2013) merupakan punca berlakunya masalah pembelajaran tatabahasa ini. Kandungan buku teks yang kurang penekanan terhadap tatabahasa juga menjadi punca masalah ini. Kandungan buku teks ketinggalan zaman dan tidak selaras dengan keadaan sebenar (Mas Ayu, 2003). Oleh itu, pendedahan dan penekanan yang lebih perlu diberi pada setiap waktu p&p bahasa Tamil akan dapat mengatasi masalah ini.

### **Implikasi Kajian**

Teknik *fuzzy* Delphi merupakan teknik yang telah digunakan oleh pengkaji dalam proses pembangunan modul kata kerja tatabahasa. Teknik *fuzzy* Delphi yang telah melibatkan kumpulan pakar dalam bidang tatabahasa bahasa Tamil, kurikulum dan pedagogi membolehkan pengkaji mengumpul data yang sangat berguna dan berkesan dalam mereka bentuk dan membangunkan modul kata kerja tatabahasa. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini boleh dijadikan contoh kepada pengkaji lain dalam pelbagai bidang pengkajian.

Panel pakar yang terlibat dalam kajian ini adalah 10 orang untuk memberi maklumat dan cadangan dalam mereka bentuk dan membangunkan modul kata kerja tatabahasa bahasa Tamil bagi pelajar sekolah menengah. Kriteria utama dalam pembentukan panel pakar ialah semua ahli panel yang dipilih mempunyai kepakaran dalam bidang yang dikaji. Mereka terdiri daripada pensyarah universiti tempatan, institut pengajian tinggi dan guru cemerlang.

Kajian yang dijalankan oleh Syar (2015) telah menyatakan bahawa teknik *fuzzy* Delphi bukan satu teknik yang baru tetapi ia merupakan pembaharuan kepada teknik Delphi kerana menggunakan bilangan pakar yang terlalu kecil untuk menilai atau mengukur sesuatu yang besar. Kajian Muhammad, Azidah, and Aziah (2019) pula menyatakan kaedah *fuzzy* Delphi merupakan gabungan di antara set penomboran *fuzzy* dan kaedah Delphi itu sendiri serta gabungan di antara kaedah Delphi tradisional (klasik) dan teori set *fuzzy*(kabur). Maka, 'naiktaraf' dari teknik Delphi ke teknik *fuzzy* Delphi telah membantu pengkaji dalam mengumpul data yang sah dan tepat, seterusnya menghasilkan modul yang terbukti berkesan meningkatkan penguasaan tatabahasa Tamil dalam kalangan pelajar Tamil.

Dari segi bidang keilmuan, kajian ini telah membangunkan modul pengajaran dan pembelajaran yang sangat kurang dalam bidang ilmiah bahasa Tamil. Modul ini dapat membantu semua guru bahasa Tamil sekolah menengah dalam mengajar kata kerja tatabahasa bahasa Tamil. Guru dapat menggunakan strategi, objektif, isi kandungan, aktiviti, latihan, dan bahan bantu mengajar yang disenaraikan dalam modul untuk pengajaran dan pembelajaran supaya pelajar dapat menguasai kata kerja tatabahasa dengan lebih mendalam.

Justeru itu, pembangunan modul kata kerja tatabahasa bahasa tamil yang dihasilkan melibatkan sukatan pelajaran KBSM dan KSSM subjek bahasa Tamil bagi pelajar sekolah menengah untuk tempoh masa 6 minggu pembelajaran. Ia merupakan sumbangan kepada pengajaran dan pembelajaran bahasa Tamil di sekolah menengah. Seterusnya, pembangunan modul kajian ini dapat memanfaatkan guru-guru dan pelajar sekolah menengah di seluruh Malaysia dalam pengajaran dan pembelajaran kata kerja tatabahasa bahasa Tamil.

Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini, teknik *fuzzy* Delphi memberi implikasi kepada pembangunan ilmu tatabahasa Tamil dengan mengambil kira kesepakatan pakar dalam pemilihan elemen-elemen dalam modul. Ia dapat membantu pengkaji lain dengan sorotan kajian berkaitan kajian penyelidikan pembangunan.

### Kesimpulan

Pandangan dan cadangan pakar-pakar yang berkaitan dengan pembangunan modul akan membantu pengkaji dalam membangunkan modul tatabahasa kata kerja bahasa Tamil. Strategi, aktiviti, latihan, kaedah dan teknik, bahan bantu mengajar dan sumber rujukan yang dibincangkan menjadi panduan kepada pengkaji. Pengkaji mempertimbangkan pandangan dan cadangan pakar-pakar dalam aspek-aspek tertentu untuk membangunkan modul mengikut kesesuaian tahap dan minat pelajar.

### Rujukan

- Abdul Rasid Jamian. (2012). Permasalahan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Cina. *Sastera dan Pendidikan, 1*, 2-4.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, & Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad. (2017). Pembelajaran Abad Ke-21 dan Pengaruhnya terhadap Sikap, Motivasi dan Pencapaian Bahasa Melayu Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 7*(2), 49-63.
- Alagesan Ambikapathy. (2020). Pengetahuan Pedagogi Kandungan Guru Cemerlang Dalam Pengajaran Tatabahasa Bahasa Tamil. (Unpublished Phd Thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Alagesan, Siti Hajar dan Mohana Dass (2020). ICT Skills Among Secondary School Tamil Language Teachers. *MJSSH Online, 4*(3), 99 – 114.
- Alagesan, Siti Hajar dan Mohana Dass (2020). Problems Faced by Form Four Students in Tamil Grammar Learning. *Journal of Tamil Peraivu, 9*(1), 115-122.
- Amutan, T. (2006). *Tamiḷ Ilakkaṇa Nūlkaḷiṇ Uttikaḷ* (Unpublished doctoral dissertation). Putuvaip palkalaikkalākam, Putuccēri, India, Tamil Nadu.
- Appasamy, M. (2012). Focus Constructions in Modern Tamil. *International Journal of Dravidian Linguistics, 38*(2), 43-69.
- Chew Fong Peng dan Sivabalan (2019). Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan. *Jurnal Pendidikan Malaysia 44*(2), 41-52.
- Creswell, J. W. (2009). *Research Design - Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (3rd ed). United States of America: SAGE Publications Company.
- Dhanalakshmi, Anand Kumar, Soman, & Rajendran. (2010). Natural Language Processing Tools For Tamil Grammar Learning and Teaching. *International Journal on Computer Science and Engineering, 2*(6), 1944-19512. Retrieved from <http://citeseerx.ist.psu.edu/viewdoc/download?doi=10.1.1.206.4783&rep=rep1&type=pdf>



- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan - Amalan Dan Analisis Kajian* (2nd ed.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haslina Mohd Ismail. (2012). *Kesan Penggunaan Peta Minda Dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah* (Unpublished master's thesis). Universiti Tun Hussien Onn Malaysia, Batu Pahat, Johor, Malaysia.
- Jennifer, M. (2002). *Qualitative Research*. (2nd Ed.). London: SAGE Publications. Retrieved from [http://www.sxf.uevora.pt/wp-content/uploads/2013/03/Mason\\_2002.pdf](http://www.sxf.uevora.pt/wp-content/uploads/2013/03/Mason_2002.pdf)
- Helmi. (2004, September 6). *Bagaimanakah Tatabahasa dapat Diajarkan Secara Menarik*. Retrieved from <https://pts.com.my/berita/bagaimanakah-tatabahasa-dapat-diajarkan-secara-menarik>
- Heriyawati, D. F. & Rusdiyanti, I. T. (2011). Meningkatkan Penguasaan Tatabahasa pada Mahasiswa Jurusan Bahasa Inggeris Semester Dua Universitas Kanjuruhan Malang Dengan Menggunakan Permainan. *International Journal of Computer Applications*, 2(4), 66-70.
- Ismail Jusoh. (1994). *Satu Kajian Analisis Kesilapan Sendi Nama Dalam Bahasa Malaysia* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Loganatha, M. (2015). *Iyakkavilakkana Kilaviyakka Vilakkam*. Paper presented at the 9th International Conference - Seminar on Tamil Studies 2015, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Manonmani Devi Ani, dan Veeralakshmi (2017). Penguasaan Dan Persepsi Guru Pelatih Terhadap Pembelajaran Tatabahasa *Punarcci*. *Journal of Education and Social Sciences*, 7(1). Retrieved from [https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&cad=rja&uact=8&ved=2ahUKEwi--uik78ftAhUPwjgGHbagDhEQFjAAegQIAhAC&url=https%3A%2F%2Fwww.jesoc.com%2Fwp-content%2Fuploads%2F2017%2F08%2FJESOC7\\_205.pdf&usg=AOvVaw1ZjGs9NSWs n5eeyANv0ktV](https://www.google.com/url?sa=t&rct=j&q=&esrc=s&source=web&cd=&cad=rja&uact=8&ved=2ahUKEwi--uik78ftAhUPwjgGHbagDhEQFjAAegQIAhAC&url=https%3A%2F%2Fwww.jesoc.com%2Fwp-content%2Fuploads%2F2017%2F08%2FJESOC7_205.pdf&usg=AOvVaw1ZjGs9NSWs n5eeyANv0ktV)
- Mas Ayu Dahlan. (2003). *Penggunaan buku teks di Sekolah Bestari: Tumpuan Kepada Sekolah Bestari di Wilayah Persekutuan* (Unpublished master's thesis). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Mohana Dass, R. (2019). Teaching Verbs and Verbal Extensions in Tamil Using Backslashing Approach. *Journal of Indian Studies*, 12, 31-45. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JIS/article/view/24895/11823>
- Muhammad Fariduddin Wajdi Anthony, Azidah Abu Ziden & Aziah Ismail. (2019). Teknik Fuzzy Delphi: RekaBentukdan Pembangunan Model Penerimaan GeSVa Dalam m-Pembelajaran Institut Pendidikan Guru. *Journal of Educational Research and Indigeneous Studies*, 2(1). Retrieved from [https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal\\_5d7c44302aec3.pdf](https://cdn-cms.f-static.net/uploads/1759562/normal_5d7c44302aec3.pdf)
- Nik, R. N. H., Azlina, M. K., & Zakiah, M. A. (2016). Keperluan Modul I-THINK dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah. Paper presented at the 2nd International Education Postgraduate Seminar 2015, Johor Bahru, Malaysia. Retrieved from <https://core.ac.uk/reader/83531520>
- Nor Hanani Ismail. (2016). *Teori Pembelajaran Lazim: Analisis daripada Perspektif Islam*. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/312173029\\_TEORI\\_PEMBELAJARAN\\_LAZIM\\_ANALISIS\\_DARIPADA\\_PERSPEKTIF\\_ISLAM](https://www.researchgate.net/publication/312173029_TEORI_PEMBELAJARAN_LAZIM_ANALISIS_DARIPADA_PERSPEKTIF_ISLAM)

- Norazlin, M. R., & Siti, R. A. (2019). *Amalan Dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21*. In Syahrul Fahmy, Syed Hadzrullathfi Syed Abdullah, Rabiatul Manisah Mohamed (Eds.), *Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management* (pp.87-105). Kuala Terengganu: Penerbit UniSza. Retrieved from <https://www.tatiuc.edu.my/assets/files/ICTM19-Papers/ICTM-09.pdf>
- Rajendran, Sankaravelayuthan, & Bakkiyaraj. (2015). *Semantic Change And Semantic Extension of Tamil Verbs*. Retrieved from [https://www.researchgate.net/publication/327623795\\_porunmai\\_marramum\\_porunmai\\_n\\_i\\_tciyum\\_Semantic\\_Change\\_and\\_Semantic\\_Extension](https://www.researchgate.net/publication/327623795_porunmai_marramum_porunmai_n_i_tciyum_Semantic_Change_and_Semantic_Extension)
- Rajenthiran. (2011). A Historical Linguistic Analysis Of Tamil Verbal Bases. Paper presented in *World Tamil Teacher's Conference 2011*, Singapore.
- Sangaranarayanan. (2015). *Vinaichollin Tevaiyum ātan Payanpaadum*. Paper Presented At *The 9th International Conference - Seminar on Tamil Studies 2015*, University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sarinah, S. (2014). *Terjemahan Kata Kerja Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu dalam Sari Kata Filem Animasi Jepun* (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sathiyaraj, T. (2017). *Ilakkana Uravu Tamilum Telugum*. Tamil Nadu, India: Kagitham Pathipagam.
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2015). *Reka bentuk kurikulum Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) untuk Golongan Pekak bagi Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA)* (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Suyambu, Pe. (2006). *Descriptive Grammars Tamil*. India: Croom Helm Ltd Publishers.
- Syar Meeze Mohd Rashid. (2015). *Reka bentuk kurikulum Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) Untuk Golongan Pekak Bagi Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA)* (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Ummu Nasibah, N., Muhammad Izuan, A. G., & Shaid, N. (2015). Model Addie Dalam Proses Reka Bentuk Modul Pengajaran: Bahasa Arab Tujuan Khas di Universiti Sains Islam Malaysia Sebagai Contoh. *Proceedings of the International Seminar on Language Teaching ISeLT*. Bangi, Malaysia. Retrieved from [https://www.academia.edu/11316027/MODEL\\_ADDIE\\_DALAM\\_PROSES\\_REKA\\_BENTUK\\_MODUL\\_PENGAJARAN\\_BAHASA\\_ARAB](https://www.academia.edu/11316027/MODEL_ADDIE_DALAM_PROSES_REKA_BENTUK_MODUL_PENGAJARAN_BAHASA_ARAB)
- Zanariah Ahmad. (2017). *Pembangunan Modul Pedagogi Kelas Berbalik Berasaskan Pembelajaran Reflektif untuk Politeknik Premier* (Unpublished doctoral dissertation), Universiti Malaya, Kuala Lumpur